

05/03/2001

Johor terima Anugerah Landskap Negara 2001

PUTRAJAYA, Ahad - Kerajaan Johor yang berjaya menanam lebih 300,000 pokok sepanjang tiga tahun lalu, adalah antara lima penerima Anugerah Landskap Negara 2001 yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Turut menerima anugerah sempena pelancaran Hari Landskap Negara itu ialah KLCC Holdings Berhad, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), KL International Airport Berhad dan Perbadanan Putrajaya.

Pertandingan Landskap Peringkat Kebangsaan bagi kategori rumah tradisional pula dimenangi Mushlim Musa dari Melaka dan tempat kedua, Syed Hussein Al-Attas dari Janda Baik, Pahang.

Rumah teres berangkai pula dimenangi oleh Husin Hasan dari Kelantan dan kedua, Abdul Wahab PN Ghany (Pulau Pinang).

Majlis Bandaraya Kuching Selatan memenangi tempat pertama kategori pejabat kerajaan, Lembaga Muzium Negeri Terengganu (bangunan kerajaan), Maktab Rendah Sains Mara Kelantan (sekolah), Tanjung Rhu Resort (kompleks pelancongan), Taman Teknologi Malaysia (bangunan swasta), Kinabalu Pine Resorts (chalet), Hutan Bandar Johor Bahru (taman bandar), Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (masjid), Nirwana Memorial Park (rumah ibadat) dan Petronas Penapisan (Terengganu) Sdn Bhd (kilang).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata anugerah landskap negara yang diperkenalkan tahun ini, bertujuan mengiktiraf organisasi awam dan swasta yang cemerlang melaksanakan program landskap menyeluruh untuk menjadikan Malaysia sebuah negara taman.

Katanya, sejak kempen menanam pokok dilancarkan pada 1997, sebanyak lebih tiga juta pokok berjaya ditanam.

"Usaha ini perlu diteruskan sehingga 2005. Kementerian menetapkan sasaran baru 3.5 juta pokok lagi akan ditanam sehingga tempoh itu," katanya pada majlis pelancaran Hari Landskap Negara di Dataran Putra di sini.

Sementara itu, Abdul Ghani berkata, kerajaan negeri menetapkan sasaran untuk menanam lebih 400,000 pokok menjelang 2005.

"Kita sudah melaksanakan projek ini sejak tiga tahun lalu dengan penuh iltizam, disambut semua peringkat, termasuk kerajaan tempatan, jabatan, syarikat, swasta serta keluarga.

"Kami yakin matlamat 2005 akan dapat dicapai pada peringkat negara dan kami di peringkat negeri akan menanam 400,000 pokok, tidak termasuk pokok renek dan rimbun," katanya.

(END)